



**PERATURAN PERMAINAN MEMANAH
KARNIVAL SUKAN STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KARiSTA UiTM)**

1.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang World Archery serta Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia dan Peraturan Am Karnival Sukan Staf UiTM (KARiSTA).

2.0 JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan dijalankan secara Individu.

3.0 FORMAT PERTANDINGAN

3.1 Pendaftaran peserta adalah terbuka.

3.2 Acara / kategori yang dipertandingkan:

Perkara	Terbuka (Lelaki dan Wanita)
Pusingan Kelayakan Individu	Target face 122 cm Jarak 20 meter 6 ends (6 arrow/end) x 2 set Cumulative Scoring 180 saat / 6 arrows
Pusingan Penyingkiran Individu	Target face 122 cm Jarak 20 meter 5 sets (3 arrow/set) Set system 90 saat / set

3.3 Acara Individu:

3.3.1 Pusingan kelayakan

3.3.1.1 Setiap atlet akan memanah pada jarak 20 meter.

3.3.1.2 Setiap atlet akan memanah sebanyak 72 batang anak panah (36 batang anak panah untuk setiap set.)

3.3.1.3 Sistem *ranking* untuk ke pusingan penyingkiran akan dibuat mengikut jumlah mata keseluruhan individu.

3.3.2 Pusingan penyingkiran

3.3.2.1 16 orang atlet terbaik dari pusingan kelayakan akan berlawanan mengikut sistem *ranking* di dalam pusingan penyingkiran.

3.3.2.2 Atlet akan memanah pada jarak 20 meter dengan menggunakan kiraan sistem set.

Menang - 2 mata

Seri - 1 mata

Kalah - 0 mata

3.3.2.3 Setiap perlawanan menemukan dua (2) atlet dan pemenang setiap perlawanan (mendapat 6 mata terlebih dahulu) akan mara ke peringkat seterusnya hingga ke perlawanan akhir.

3.6 Sekiranya markah keseluruhan sama bagi penentuan ranking di pusingan kelayakan, perkara berikut akan diambil kira:

3.6.1 Jumlah 'X + 10' yang terbanyak

3.6.2 Jumlah 'X' terbanyak

3.6.3 Sekiranya masih sama, sistem *shoot-off* akan digunakan

4.0 PERALATAN PERTANDINGAN

4.1 Peralatan yang dibenarkan bagi semua kategori yang dipertandingkan adalah:

4.1.1 Hanya recurve **Wooden Bow** (busur) atau **Metal / Iron Bow** (busur) sahaja dibenarkan.

4.1.2 Semua jenis **recurve limb** adalah dibenarkan.

4.1.3 Hanya anak panah / *arrow* jenis **aluminium** sahaja dibenarkan.

4.1.4 **Stabilizer, plunger button** dan **clicker** adalah tidak dibenarkan.

4.1.5 Semua jenis **sight** adalah dibenarkan.

5.0 PAKAIAN

5.1 Berpakaian sukan dan berkabut. Tidak dibenarkan memakai seluar jeans dan pakaian bercorak *camouflage*.

5.2 Kasut hendaklah bertutup sepenuh kaki. Sandal / Crocs tidak dibenarkan.

6.0 MASA MELAPORKAN DIRI

Setiap pasukan dikehendaki melaporkan diri kepada Ketua Hakim (Chief of Judges) kejohanan untuk pemeriksaan peralatan pertandingan (Equipment Inspections) pada hari latihan rasmi.

7.0 PEGAWAI PERTANDINGAN

Jawatankuasa Pengelola Pertandingan akan melantik Pegawai-pegawai Teknikal iaitu Ketua Hakim dan Hakim yang diiktiraf dari Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia.

8.0 GANTI RUGI

Jawatankuasa Pengelola Pertandingan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan yang mungkin berlaku kepada mana-mana peralatan atlet semasa kejohanan

berlangsung termasuk perjalanan dari tempat penginapan / tempat pertandingan / tempat penginapan.

9.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN

Sekiranya pengadil berpendapat bahawa padang tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh keadaan cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan, perlawanan itu tidak dapat dimainkan atau sekiranya sesuatu perlawanan diberhentikan akibat hal-hal di luar kawalan kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau diberhentikan itu akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan.

10.0 BANTAHAN

Sila rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am.

11.0 JURI RAYUAN

Sila rujuk Perkara 15.0 Peraturan Am.

12.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan KARiSTA UiTM yang berkenaan dan keputusannya adalah MUKTAMAD.